

Tak puas hati PBT urus sampah

B/H 17/12/2011 18

Penduduk dakwa jadual kutipan tak menentu punca bau busuk, loya

Oleh Nurul Farina Nazlan
nfarina@bharian.com.my

© INTAN NUR ELLIANA ZAKARIA | BERITA HARIAN

KAJANG: Keupayaan pihak berkuasa tempatan (PBT) menguruskan kerja membersihkan dan pengurusan sisa pepejal di Selangor dipertikai penduduk di sekitar Taman Balakong Jaya, di sini, apabila sampah lewat dikutip, selain jadual kutipan tidak menentu.

Beberapa penduduk ditemui mendakwa, jarak kutipan mengambil masa tiga hari dan ada kalanya lebih seminggu sebelum sampah dikutip di kawasan perumahan berkenaan menyebabkan persekitaran menjadi busuk akibat bau kurang menyenangkan dengan longgokan sampah yang menyakitkan mata.

Penduduk juga mendakwa sejak kerja pembersihan dan pengurusan sisa pepejal diambil alih Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) pada 16 Oktober lalu, hari dan waktu kutipan sampah tidak sistematis seperti diuruskan Alam Flora dan ada kalanya, lori sampah datang awal pagi atau pada waktu lain tanpa ada jadual tetap.

Tinjauan dilakukan antara jam



LONGGOKAN sampah yang lewat diangkut di Taman Balakong Jaya.

11 pagi hingga jam 12 tengah hari di kawasan berkenaan mendapati sampah sudah dikutip kontraktor dipertanggungjawabkan MPKJ selepas tiga hari dibiarkan dengan bau meloyakan serta mencacatkan pemandangan.

Penduduk, Fatimah Abdullah, 62, berharap waktu kutipan sampah ditetapkan antara jam 9 pagi hingga jam 10 pagi bagi memberi peluang penghuni mengeluarkan sampah, manakala jarak kutipan dipendekkan iaitu dua hari sekali bagi mengelak sampah bertimbun sehari sebelum dikutip terutama pada hujung minggu.

“Sejak pengambilalihan kutipan sampah oleh MPKJ Oktober lalu, banyak perubahan berlaku

terutama jarak kutipan sampah berbanding sebelum ini. Bagaimanapun, saya berharap waktu kutipan sampah tidak terlalu awal kerana kebiasaannya pada waktu itu, penduduk terutama yang bekerja dan suri rumah, turut sibuk.

“Saya juga meminta MPKJ memendekkan jarak hari kutipan kerana ada kalanya sampah tidak dikutip lebih seminggu. Ini boleh menjejaskan persekitaran kawasan ini, sekali gus mendatangkan pe-



Saya juga meminta MPKJ memendekkan jarak hari kutipan kerana ada kalanya sampah tidak dikutip lebih seminggu

Fatimah Abdullah
Penduduk

nyakit seperti taun dan demam denggi,” katanya.

Penduduk, Azman Ali, 33, mendakwa kontraktor tidak mematuhi jadual kutipan apabila sering lewat mengutip sampah terutama pada cuti umum, menyebabkan penduduk tidak selesa dengan bau kurang menyenangkan dan meminta MPKJ mengatasi masalah berkenaan dengan segera.

“Kutipan sampah di kawasan ini kadangkala mengikut masa tetapi biasanya lewat. Jarak kutipan sebelum diambil-alih PBT adalah tiga kali seminggu, namun kini ada kalanya lebih seminggu dan membuktikan mereka tidak prihatin dengan kebajikan penduduk setempat yang membayar cukai pintu.

“MPKJ harus memantau masalah ini dengan segera dan mengambil tindakan tegas kepada kontraktor yang melanggar perjanjian. Jarak kutipan harus dipendekkan seperti dua hari sekali dengan ketetapan waktu yang jelas bagi memudahkan penduduk,” katanya.